

PENTAKSIRAN BERASASKAN PERMAINAN CHEMSTATION TOPIK KIMIA ORGANIK DARI PERSEPSI PENSYARAH DAN PELAJAR

Hezelin Elayana Shaian
Unit Kimia, Kolej Matrikulasi Pahang
hezelin@kmpk.matrik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mempelbagaikan kaedah pentaksiran oleh pensyarah dan pelajar, meningkatkan penglibatan aktif pelajar di dalam kelas serta meningkatkan prestasi pelajar dalam topik Kimia Organik. Kumpulan sasaran kajian terdiri daripada 16 orang pelajar Melayu kelas 4M2D1, Program Dua Tahun sesi 2017/2019 Kolej Matrikulasi Pahang. Dapatan temu bual tidak berstruktur dan tinjauan awal kajian mengesahkan pelajar menghadapi kesukaran menguasai topik Kimia Organik. Aktiviti yang aktif di dalam kelas juga amat diperlukan bagi meningkatkan kefahaman dan merangsang minat pelajar. Ujian Pra yang dilaksanakan mendapati 13 daripada 16 orang pelajar memperoleh markah kurang 50% bagi topik ini. Maka, pembelajaran berasaskan permainan(PBP) menggunakan kaedah stesen iaitu ChemStation telah diperkenalkan. Sebanyak 16 jenis permainan telah direkacipta oleh 16 orang pelajar, kemudian dimainkan secara berkumpulan selama 4 minggu berturut. Melalui kaedah pentaksiran sendiri menggunakan Rubrik Kriteria Kemahiran Merekacipta Permainan, majoriti pelajar memberi penilaian sebanyak 9-16 markah terhadap diri sendiri. Skala 4 dan Skala 5 merupakan skala yang dipilih oleh majoriti pelajar ketika membuat pentaksiran rakan sebaya menggunakan Skala Kadar. Berlaku peningkatan sebanyak 100% iaitu seramai 16 orang pelajar memperoleh markah lebih 50% dalam Ujian Pasca. Hasil temu bual tidak berstruktur dan tinjauan akhir, pelajar memberikan respon yang positif terhadap pelaksanaan ChemStation ini.

Kata kunci : ChemStation, Kimia Organik, pembelajaran berasaskan permainan, mereka cipta permainan, pentaksiran .